

POLITIK DAN SOSIOEKONOMI NEGERI-NEGERI SELAT PADA KURUN KE-19 DARI PERSPEKTIF VIETNAM

*(The Politics and Socioeconomy of the Straits Settlement in the 19th Century
from the Vietnamese Perspective)*

Ku Boon Dar
kubd@usm.my

Bahagian Sejarah,
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang.

Abstrak

Semasa pemerintahan Minh Mang (1820-1841) di Vietnam, pegawai istana dihantar ke kepulauan Melayu sebagai utusan untuk mengeratkan jalinan diplomatik dan merisik maklumat negara yang dikunjungi. Negeri-negeri di kepulauan Melayu yang dilawati termasuk Ma-la-kha [Malacca], Giang-luu-la [Batavia, Jakarta], Tan-gia-ba [Singapore], Tan-lang-du [Penang], dan La-tong [Luzon]. Antara pegawai yang penting dalam menjayakan misi diplomatik tersebut, termasuklah Ly Van Phuc. Oleh itu, makalah ini mengkaji catatan hasil daripada lawatan dan pemerhatian beliau terhadap aspek politik dan sosioekonomi di kepulauan Melayu, khususnya Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Kajian ini signifikan dalam mewarnai kembali satu gambaran bernilai tentang rantau kepulauan Melayu yang dilihat dari perspektif Vietnam.

Kata kunci: Vietnam, kepulauan Melayu, Ly Van Phuc, Negeri-Negeri Selat

Abstract

During the reign of Minh Mang (1820-1841) in Vietnam, court officials were sent to the Malay Archipelago as envoys to strengthen diplomatic relationships and gather information on all the countries visited by the envoys. The main countries in the Malay Archipelago visited by the court envoys included Ma-la-kha [Malacca],

Giang-huu-la [Batavia, Jakarta], Tan-gia-ba [Singapore], Tan-lang-du [Penang], and La-tong [Luzon]. These diplomatic missions were accomplished by several significant court officials including Ly Van Phuc. This paper attempts to explore the records from his visits and observations on political and socioeconomic aspects of the Malay Archipelago, especially on Malacca, Penang and Singapore. This research is significant as it recaptures valuable depictions of the region through a Vietnamese perspective.

Keywords: Vietnam, Malay Archipelago, Ly Van Phuc, The Straits Settlement

PENGENALAN

Pada tahun 1825, dengan dalih untuk membeli kain bulu dan barang kaca, pegawai istana di Vietnam dihantar ke Singapura untuk mendapatkan maklumat tentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di Selat Melaka. Seperti titah raja Vietnam, Minh Mang (1820-1841) bahawa baginda mengutuskan pegawainya ke negeri-negeri kepulauan Melayu (Ha-chau)¹ bukan bertujuan mencari keuntungan perdagangan, sebaliknya ingin melatih kemahiran armada laut Vietnam dan mengintip keadaan politik orang Eropah di negeri-negeri kepulauan Melayu.² Pada perkiraan Minh Mang, alasan faktor berdagang merupakan jalan selamat untuk menghindarkan bumi Vietnam daripada sebarang tindakan agresif kuasa Barat, khususnya Perancis. Hal ini demikian kerana di dalam istana Hue, terdapat sejumlah pegawai Perancis yang telah diwarisi semenjak zaman ayahanda baginda, iaitu Gia Long (1802-1820). Pegawai Perancis ini berkhidmat sebagai penasihat dalam pentadbiran baginda. Antara yang paling berpengaruh termasuklah Jean-Baptiste Chaigneau (1769-1832) dan Philippe Vanier Chester (1762-1842). Sesungguhnya, kejayaan mengasaskan Dinasti Nguyen (1802-1945) pada tahun 1802 di Vietnam oleh Gia Long (setelah berjaya menyingkirkan pemberontakan Tay Son Bersaudara (1771-1802)) merupakan hasil bantuan paderi Perancis, Pigneau de Behaine (1741-1799). Pigneau berjaya merekrut sukarelawan dan barisan tentera pihak Kerajaan Perancis untuk membantu Gia Long menaiki takhta di Vietnam. Natiujahnya, sejarah awal tampuk pemerintahan Gia Long dibarisi oleh pegawai dari Perancis. Antaranya Jean Marie Dayot (1759-1809) yang ditugaskan untuk mengetuai angkatan tentera laut dan Oliver de Puymanel (1768-1799) yang mengetuai angkatan tentera darat.³

Namun, apabila Minh Mang menaiki takhta menggantikan Gia Long, baginda menyedari bahawa Vietnam perlu mencari jalan meloloskan diri daripada kongkongan bayang-bayang pihak Perancis. Baginda kemudiannya mencari kuasa Barat selain Perancis untuk mengimbangi cengkaman pihak Perancis di Vietnam.

Natijahnya, sasaran ditujukan ke kepulauan Melayu kerana kuasa Barat seperti Belanda dan British bersaing untuk menerokai laluan perdagangan di kepulauan Melayu. Lautan kepulauan Melayu menjadi medan pergolakan hasil perkembangan pesat perdagangan kapitalisme yang berlaku di Belanda dan British. Minh Mang sedar bahawa sekatan perdagangan lantaran dasar tutup pintu China yang dipraktikkan dalam dekad abad ke-19 mendorong pihak kapitalis British mendesak kerajaan bertindak ke atas empayar China. Perang Candu yang terketus pada tahun 1839-1842 antara China dengan British amat merisaukan pentadbiran Minh Mang.⁴ Konsep liberalisme, idea perdagangan bebas serta *laissez-faire* Adam Smith mendominasi golongan pengilang, peniaga dan pedagang di Britain pada pertengahan pertama abad ke-19. Golongan tersebut terus mendesak Kerajaan Britain meluaskan empayar jajahannya di rantau sebelah Timur merangkumi gugusan kepulauan Melayu bagi memperoleh bahan mentah yang diperlukan akibat ledakan Revolusi Perindustrian.⁵ Walau bagaimanapun, didikan dan latar belakang Minh Mang yang dipengaruhi oleh fahaman Konfusian menghalang keterbukaan baginda menjalinkan sebarang bentuk jalinan diplomatik dengan kuasa Barat. Menurut Alexander (1988):

As a matter of fact, the Nguyen's policy being one of not trying to shut out foreign trade but refusing to accept diplomatic entanglements with European they were keen to be informed on the western settlement in the southern seas [Malay Archipelago].

Oleh itu, dasar yang diambil oleh Minh Mang mirip kepada corak pentadbiran negara China yang bertunjangkan dasar tutup pintu. Bukti tolakan baginda menjalinkan sebarang bentuk hubungan tampak dalam tindakannya, sebaik-baik sahaja baginda ditabalkan menjadi maharaja di Vietnam menggantikan ayahandanya, Gia Long. Misi diplomatik dan perdagangan daripada kuasa Barat di awal pemerintahan Minh Mang, seperti Kapten John White pada tahun 1820 dari Amerika Syarikat; pendaratan Louis XVIII dari Perancis pada tahun 1821, serta kunjungan John Crawford mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada tahun 1822 gagal menjalinkan sebarang hubungan dengan Vietnam.⁶ Hal ini demikian kerana keengganan Minh Mang menandatangani sebarang perjanjian perdagangan dengan kuasa Barat kerana baginda berpendapat kuasa Barat cuba mengawal Vietnam melalui dasar perdagangan yang berat sebelah.⁷

Baginda menyedari kemungkinan musibah dan ancaman yang ditimbulkan kuasa Barat sekiranya mereka berjaya menembusi Laut China Selatan. Bagi mengelakkan pencerobohan kuasa Barat ke atas Vietnam, Minh Mang beranggapan bahawa pertahanan negara yang lebih kukuh perlu menjadi keutamaan sebagai agenda

kemandirian politik Vietnam. Semasa pemerintahan baginda, tumpuan utama pentadbiran adalah untuk memperkukuh angkatan tentera laut Vietnam. Pandangan Minh Mang terhadap pasukan keselamatan ialah “tidak mengapa sekiranya ratusan askar tidak dikerahkan ke medan perang, namun pasukan keselamatan jangan sesekali dibiarkan alpa dalam ketidaksiapsiagaan.⁷ Baginda sedar bahawa kuasa Barat telah berjaya menguasai laluan maritim di Laut China Selatan”.⁸ Oleh itu, Minh Mang giat meningkatkan kekuatan dan latihan armada laut bagi mengelakkan kuasa Barat membuli Vietnam yang mengamalkan dasar isolasi perdagangan. Minh Mang mempertingkatkan keupayaan pertahanan pantai dengan membina kubu yang lebih strategik di sepanjang Teluk Tonkin. Baginda berharap imbangan kuasa antara Barat dengan Vietnam dapat dicapai dengan harapan kekuasaan maritim tersebut akan lebih memihak kepada Vietnam. Pembinaan kubu pertahanan di Pulau Phu-quooc dan Poulo Condore pada tahun 1833 dan 1836 merupakan bukti keseriusan Vietnam memantapkan armada laut serta usaha Vietnam mengimbangi kuasa Barat di Laut China Selatan.⁹

Pada masa yang sama, gelora perebutan kuasa dan pertindihan geopolitik terus berlingkar antara Belanda dengan British, khususnya di Selat Melaka. Situasi ini menyebabkan Minh Mang menyedari bahawa Vietnam yang dilingkari oleh gugusan pulau dan teluk, perlu mengambil iktibar mengkaji bagaimanakah kuasa Barat tersebut menjarah dan mengurus tanah jajahan mereka di kepulauan Melayu, khususnya semenjak kepesatan hubungan perdagangan antara Vietnam dengan Singapura terjalin.¹⁰ Oleh itu, baginda telah mengutuskan pegawai istananya yang dikenali sebagai Cach Quan ke kepulauan Melayu seperti Ma-la-kha [Melaka], Tan-lang-du [Pulau Pinang] dan Tan-gia-ba [Singapura] bertujuan menyiasat situasi politik, sosioekonomi dan juga meninjau penempatan orang Barat di kepulauan Melayu. Selain itu, baginda juga berharap bahawa kemampuan angkatan laut Vietnam dapat dioptimumkan sepenuhnya, khususnya dari segi kemahiran dan teknik pelayaran dalam menghadapi gelora ombak dan tiupan badai di Lautan China Selatan. Misi Minh Mang adalah untuk membina sebuah armada tentera laut Vietnam yang disegani di Laut China Selatan. Dasar *hoc banh tay sua bo* yang bermaksud mempelajari bahasa, teknologi dan kemahiran asing (Barat) cuba diterapkan sebagai agenda pertahanan negara Vietnam. Melalui dasar tersebut, Vietnam dilihat menerima segala ilmu pengetahuan dari Barat tetapi terus menutup pintu dalam menjalinkan sebarang perjanjian dengan Barat.¹¹

Natijahnya, Minh Mang amat prihatin terhadap kemajuan armada tentera laut Vietnam. Baginda memerhatikan dengan penuh minat, bermula dari awal pembinaan kapal sehingga kepada sesi latihan ketenteraan yang dijalankan oleh armada. Dicatatkan bahawa Minh Mang telah menitahkan agar armada laut Vietnam perlu

dilengkapi dengan segala peralatan perang sebelum belayar ke kepulauan Melayu. Tujuannya adalah untuk menguji pandu kecanggihan dan kepantasan kapal yang telah siap dibina. Namun, jauh di lubuk hati baginda, penghantaran utusan yang kononnya untuk aktiviti latihan, apatah lagi untuk tujuan perdagangan hanyalah sekadar retorik dan merupakan penyamaran kerana tujuan utama pihak Vietnam adalah untuk merisik dan mengintip maklumat tentang kekuatan dan pertahanan pihak Barat di kepulauan Melayu.¹²

Semasa pemerintahan Minh Mang, sebanyak sembilan kali utusan seperti dalam Jadual 1 dihantar ke kepulauan Melayu, termasuk ke Giang-luu-la [Batavia, Jakarta], Tan-gia-ba [Singapura], Tan-lang-du [Pulau Pinang], La-gia [Melaka], Tam-ba-lang [Samarang] dan Lu-tong [Luzon] di Filipina.

Jadual 1 Ringkasan misi diplomatik ke kepulauan Melayu.

Negara Dilawati	Tahun
Batavia	1825,1832,1832-1833,1836, 1836-37, 1839, 1840
Singapura	1832, 1836-37, 1840
Pulau Pinang	1832, 1836-1837
Melaka	1843
Samarang	1839, 1840
Luzon	1832, 1835

(*Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien*)

Antara pegawai istana yang signifikan yang pernah dihantar ke kepulauan Melayu dalam menjayakan misi Minh Mang, termasuklah Le Quy Don, Phan Huy Chu, dan Ly Van Phuc. Namun, dalam makalah ini, hanya catatan Ly Van Phuc, salah seorang daripada pegawai istana Vietnam sahaja difokuskan. Lawatan beliau pada tahun 1830 asalnya ke India tetapi beliau berkesempatan singgah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Catatan daripada pelayaran tersebut dikumpulkan dalam karya yang dikenali sebagai *Tay Hanh Kien Van Ky Luoc (Catatan Perjalanan ke Selatan, 1830)*.¹³ Pada bahagian prakata catatan pengembaraan tersebut, Ly Van Phuc menyatakan bahawa hasil pelayaran beliau pada tahun 1830 di Negeri-Negeri Selat telah berjaya mengumpul sejumlah maklumat berkenaan dengan aspek pentadbiran, politik dan sosioekonomi kepulauan Melayu.¹⁴

Pelayaran tersebut amat signifikan kerana lawatan tersebut julung-julung kali digerakkan oleh Minh Mang ke kepulauan Melayu selepas baginda memegang tampuk pemerintah. Misi tersebut merupakan utusan yang pertama dikerahkan ke luar negara dalam usaha baginda mengangkat armada laut Vietnam ke tahap yang lebih tinggi. Tambahan pula, negeri yang dikunjungi Ly Van Phuc seperti Melaka, Pulau Pinang dan Singapura juga merupakan pusat perdagangan dan pelabuhan penting bagi pihak British pada suku kedua abad ke-19.

RINGKASAN PERJALANAN HIDUP LY VAN PHUC (1785-1849)

Ly Van Phuc merupakan seorang penyair dan pegawai mandarin Vietnam yang tersohor pada pertengahan abad ke-19. Lahir pada tahun 1785 di Dong Kin (Tongkin). Beliau berketurunan Minh Huong, generasi keenam yang telah bermastautin di Vietnam kerana moyangnya berasal dari daerah Longxi di Zhangzhou dalam provinsi Fujian di China. Semasa pemerintahan Gia Long (1802-1819), beliau pernah menjawat jawatan sebagai pegawai di Akademi Hanlin, di samping berpengalaman bertugas di Lembaga Enam, antaranya Bahagian Adat dan Upacara, Bahagian Hal Ehwal Ketenteraan dan Bahagian Kerja Raya. Di samping itu, beliau juga pernah dihantar bertugas di Tinh Quang Ngai dan Tinh Quang Nam, masing-masing terletak di bahagian selatan Vietnam. Sepanjang tahun 1830-1840, beliau diarahkan oleh Minh Mang melakukan kunjungan ke luar negara seperti Asia Selatan, Asia Tenggara, hatta negeri China. Hasil daripada 11 misi lawatan beliau ke negara tersebut, beliau berkesempatan merakamkan pengamatan, pemerhatian dan pengalaman beliau tentang sosioekonomi dan budaya hidup negara yang pernah dikunjungi. Antara catatan lain yang dihasilkan oleh beliau ialah *Tay Hanh Kien Van Ky Luoc* (*Catatan Perjalanan ke Selatan*, 1830), *Hai Trinh Chi Luoc* (*Catatan Laluan Maritim*), *Di Bien* (*Dikotomi Orang Asing*), *La Tong Phong Tuc Ky* (*Lakaran Adat Luzon*), *Tay Di Chi Phu Bien* (*Catatan di Negara-negara Asing*) dan *Viet Honh Ngam Thao* (*Catatan Perjalanan ke Guangzhou*).¹⁵

Menurut *Dai Nam Tuc Luc* (*Veritable Record of Dai Viet*), sumber sejarah rasmi Vietnam zaman Dinasti Nguyen menyatakan bahawa laluan hidup Li Van Phuc adalah sukar.¹⁶ Pada Februari 1829, beliau telah direhatkan selama lapan bulan kerana didakwa terpalit dengan kes korupsi. Li Van Phuc dikatakan menerima 200 wang perak daripada pedagang Liu Ning Tai dan Du Choi Thong kerana menyokong kedua-dua pedagang tersebut menjalankan aktiviti kutipan cukai di sekitar Hanoi. Namun, Li Van Phuc menafikan pelibatan amalan rasuah tersebut kerana mendakwa beliau tidak menyedari kedua-dua pedagang tersebut memberikan sogokan kepadanya. Sogokan tersebut berbentuk wang perak yang dikepilkan dalam plat tulisan yang dihadiahkan oleh mereka kepada beliau. Namun, siasatan pihak pendakwa raya mendapati bukti

sogokan tersebut nyata dan kesnya mempunyai *prima facie*, lalu beliau didakwa. Apabila kesnya dibicarakan pada bulan Oktober tahun berikutnya, beliau disabitkan kesalahan dan dipenjarakan. Walau bagaimanapun, pada Januari tahun berikutnya, beliau diberi pengampunan oleh Minh Mang. Lantaran itu, demi membalas budi Minh Mang, Ly Van Phuc menuruti titah perintah Minh Mang yang mahukan beliau mengetuai utusan Vietnam ke kepulauan Melayu.¹⁷ Dalam pelayaran tersebut, dua buah kapal telah diarahkan untuk menjayakan misi tersebut. Namun, akhirnya hanya kapal Fen Peng Hao sahaja yang berjaya mengharungi gelora ombak Lautan China Selatan sehingga meneruskan pelayaran menuju ke India. Sebuah kapal lagi terpaksa berlabuh di Cuo Han (Danang) untuk dibaiki kerana ombak besar telah merosakkan kapal tersebut. Lantaran itu, Ly Van Phuc terpaksa mengambil tindakan berwaspada dan mengambil kesempatan pertukaran angin monsun untuk singgah di Negeri-Negeri Selat sebelum meneruskan perjalanannya ke Calcutta di India.¹⁸

SISTEM PENTADBIRAN DAN SOSIOBUDAYA NEGERI-NEGERI SELAT

Semasa kunjungan beliau ke Pulau Pinang, situasi pentadbiran di pulau tersebut kebetulan mengalami transformasi, lantaran keadaan ekonomi yang merudum. Perdagangan di Pulau Pinang tidak berkembang maju seperti yang diharapkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI). Kedudukan Pulau Pinang terlalu jauh ke utara dari kawasan pengeluaran rempah dan bijih timah di kepulauan Melayu. Hal ini menyebabkan perdagangannya terbatas kepada kawasan-kawasan di sekeliling pulau itu sahaja. Oleh itu, Pulau Pinang dilihat oleh pihak SHTI sebagai tidak sesuai sebagai pusat pengumpulan barang dagangan dari kepulauan Melayu.¹⁹ Dari segi pentadbiran pula, SHTI juga mendapati bahawa perbelanjaan untuk mentadbir Pulau Pinang adalah jauh lebih tinggi daripada pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti perdagangannya. Tambahan pula, pegawai yang ditugaskan di pulau itu terlalu ramai dan kebanyakannya berpendapatan tinggi. Kekhawatiran terhadap kerugian SHTI pernah dizahirkan oleh pihak Lembaga Pengarah SHTI, apabila akaun SHTI terus mengalami defisit sehingga 300 000 Dollar Sepanyol di sekitar tahun 1825-1826. Mereka amat bimbang sekiranya isu ini akan menyebabkan Parlimen Britain tidak lagi memperbaharui carta syarikatnya yang akan tamat tempoh pada tahun 1833.²⁰

Seterusnya, Li Van Phuc juga menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan bekas jajahan Jawa sebelum ditawan oleh pihak British.²¹ Namun, negeri yang dimaksudkan oleh Ly Van Phuc sebagai Trao-Oa atau Do-ba lebih merujuk kerajaan Lama Kedah yang menyerahkan hak Pulau Pinang kepada Francis Light pada tahun 1786. Sejak sekian lama, pihak Vietnam sering menggunakan istilah umum seperti Cha-Va, dan Trao-Oa atau Do-ba yang merujuk orang Melayu (Jawa) atau kerajaan

Melayu di kepulauan Melayu.²² Walaupun sumber sejarah rasmi Vietnam seperti *Dai Viet Su Ky Toan Thu (Complete History of the Dai Viet)*, *Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc (Annotated Mirror and Commentary of the History of Vietnam)*, dan *Dai Nam Thuc Luc (Veritable Records of Dai Nam)* yang mencatatkan bahawa jalinan hubungan dengan kepulauan Melayu telah lama terjalin, catatan pegawai istana Vietnam nampaknya masih keliru dengan kedudukan sebenar dan perbezaan setiap pelusuk negeri di kepulauan Melayu. Hal ini adalah disebabkan oleh dasar tutup pintu yang telah begitu lama diamalkan oleh pihak Vietnam yang menyekat sebarang aktiviti perdagangan dengan pihak luar, kecuali dalam lingkungan orbit tributari Vietnam.²³

Dalam menggambarkan situasi politik, ekonomi dan perdagangan di Singapura pula, Ly Van Phuc mencatatkan bahawa, “kapal-kapalnya [Singapura] berlabuh dan bertolak bak semut mengerumuni; kotanya tersergam di tengah belantara; kereta bertali arus dan kereta kuda di sana-sini.”²⁴ Hal ini demikian kerana Singapura sarat dengan aktiviti harian, lantaran pelabuhannya telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh British. Para pengembara yang datang ke Singapura digambarkan sebagai golongan yang bercita-cita tinggi melangit, seolah-olah mahu melihat jalan diturap dengan emas apabila mereka memperoleh kejayaan nanti.²⁵

Menjelang tahun 1822, Singapura muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang lebih penting daripada Pulau Pinang, lebih-lebih lagi apabila Stamford Raffles mengisytiharkan Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas. Li Van Phuc berpeluang melawat Singapura sebanyak empat kali sepanjang kembara beliau ke kepulauan Melayu. Kali pertama pada tahun 1830 dengan kapal Wei Feng Hao; kali kedua pada tahun 1831 dengan kapal Peng Fen Hao; kali ketiga pada tahun 1834 dengan melayari kapal Qing Yang Hao dan akhirnya, kali keempat pada tahun 1840 dengan kapal Dian Yang Hao.²⁶ Dalam kunjungan ke Singapura pada 1830 contohnya, Ly Van Phuc mencatatkan bahawa pelayaran tersebut disertai oleh 80 orang anak kapal bersama-sama dengan 10 orang kelasi bertaraf pegawai. Di samping itu, seorang kapten kapal ditugaskan mengetuai aktiviti semasa pelayaran dengan dibantu oleh seorang timbalannya yang bertanggungjawab menguruskan stor barangan di kapal.²⁷ Namun, perkara menarik dalam catatan beliau ialah kisah pegawainya yang berbangsa Cina dari Macau yang ditugaskan sebagai penterjemah, mahir berbahasa Portugis dan bahasa Melayu sehingga memudahkan kerja peninjauan dan pengintipan ke atas Singapura.²⁸

Sesungguhnya, di bawah pentadbiran Mejar-Jeneral William Farquhar, Singapura berkembang dengan pesat. William Farquhar telah dilantik sebagai residen Singapura yang pertama pada 7 Februari 1819 dan komandan di Singapura

dari tahun 1819 sehingga tahun 1823. William Farquhar memperkenalkan sistem perdagangan bebas atau *laissez-faire*. Beliau membangunkan tebing utara-timur Sungai Singapura sehingga berkembang maju menjadi sebuah bandar kosmopolitan. Lalu Singapura muncul sebagai pusat pengumpul dan pengedar yang sesuai bagi barang dagangan dari kepulauan Melayu. Menjelang akhir abad ke-19, melalui dasar perniagaan monopoli, pelabuhan Negeri-Negeri Selat menjadi satu-satunya saluran import penting sampai ke negeri-negeri Melayu dan eksport negeri-negeri ini ke dunia luar. Menurut Khoo Kay Kim (1984), pertengahan abad ke-19 dilihatnya sebagai tenaga ekonomi dinamis yang mula menyebar dengan lebih meluas ke Semenanjung Tanah Melayu. Natijahnya, pelabuhan di negeri-negeri Melayu bergantung pada kedatangan pedagang Singapura dan Pulau Pinang. Pedagang British singgah di Singapura dalam perjalanan mereka ke China. Kebanjiran para pedagang di sekitar kepulauan Melayu dan kuasa Barat yang singgah di Singapura secara tidak langsung melonjakkan aktiviti perdagangan di pelabuhan tersebut.²⁹

Namun, dalam catatan beliau, Ly Van Phuc masih keliru apabila mendakwa bahawa Singapura merupakan negeri naungan Trao-oa Quoc [Jawa].³⁰ Kekeliruan timbul mungkin disebabkan beliau melihat arahan demi arahan dikeluarkan oleh Stamford Raffles yang merupakan Leftenan Gabenor Jawa dan Gabenor di Bengkulu kepada William Farquhar di Singapura. Pihak British berjaya menawan Pulau Jawa pada tahun 1811 hasil serangan Stamford Raffles atas arahan Lord Minto, Gabenor Jeneral British di India. Sebagai Gabenor di Bengkulu, Raffles mempunyai kuasa memantau pentadbiran kerajaan di Singapura dan boleh campur tangan dalam pentadbiran Jawa. Lantaran itu, tidak hairanlah Ly Van Phuc terkhilaf berkenaan dengan aspek pentadbiran di Singapura dalam pengamatan tersebut.

Selain itu, beliau mencatatkan bahawa setiap negeri tersebut mempunyai seorang ketua (gabenor). Ketua di Pulau Pinang dilihatnya mempunyai kuasa yang lebih besar berbanding dengan ketua di Melaka dan Singapura. Namun, ketua di Pulau Pinang masih tunduk kepada arahan daripada ketua (presiden) di Ming-ga [Bengal].³¹ Semasa lawatan beliau, Robert Fullerton merupakan gabenor pertama di Pulau Pinang. Robert Fullerton dilantik sebagai gabenor pertama di Negeri-Negeri Selat, beribu pejabat di Pulau Pinang dari 27 November 1826 sehingga 12 November 1829. Kebetulan semasa ketibaan Ly Van Phuc di Pulau Pinang, pihak pentadbiran SHTI di Pulau Pinang sedang dilanda krisis kewangan yang teruk hasil tempias kemeruduman ekonomi syarikat tersebut di India. Hal ini demikian kerana presiden di Negeri-Negeri Selat masih bergantung pada arahan daripada presiden di Bengal yang beribu pejabat di Calcutta, [Kalkota] India.³² Pada tahun 1829, Lembaga Pengarah SHTI mengambil ketetapan untuk memansuhkan jawatan presiden di

Calcutta, India. Sebaliknya, kawal selia Negeri-Negeri Selat diletakkan di bawah kekuasaan presiden di Bengal.³³

Namun, Li Van Phuc juga menyatakan bahawa pihak British mengambil alih Singapura selama 19 tahun sebelum tahun 1820, iaitu tahun ketibaan dan kunjungan beliau ke pulau tersebut. Fakta tersebut tentunya ada kesilapan kerana British berjaya mengambil alih Singapura pada tahun 1819 dan bukannya tahun 1829 seperti dakwaan beliau. Kekhilafan tersebut berlaku kerana Ly Van Phuc dikatakan telah merujuk sebuah takwim yang digunakan oleh seorang saudagar Cina di Singapura, iaitu:

Apabila saya tiba di Singapura, saya melihat notis-notis pemberitahuan awam di sebuah kedai Cina. Salah satu pernyataan notis awam tersebut mencatatkan bahawa, “Tahun British: 1829, baharulah sahaya sedar bahawa ia tahun ke-9 pemerintahan Daoguang [China] 9; tahun tersebut kebetulan bersamaan dengan tahun ke-10 era pemerintahan Minh Mang [Vietnam], yakni tahun ki suu.”

(Tay Hanh Kien Van Ky Luoc, 1830)

Catatan Ly Van Phuc tentang Ma-la-kha (Melaka) pula menyatakan bahawa negeri tersebut merupakan bekas tanah jajahan orang Belanda [Pha-lang-thi Quoc].³⁴ Namun, catatan beliau tentang bagaimanakah Melaka terlepas kepada jajahan British juga terdapat sedikit percanggahan daripada fakta sejarah yang diketahui umum. Menurut catatan Li Van Phuc, Belanda meninggalkan Melaka gara-gara kerana konflik Belanda dengan British.³⁵ Hakikatnya, Belanda menyerahkan Melaka kepada British sebagai balasan kerana British memberikan Bengkulu kepada Belanda melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 atau Persetiaan London merupakan perjanjian yang dimeterai antara British dengan Belanda di London pada 17 Mac 1824. Perjanjian ini dibuat bagi menyelesaikan pertikaian yang muncul selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1814 atau Perjanjian Vienna 1814.

Seterusnya, Ly Van Phuc melihat keadaan sistem pentadbiran di Negeri-Negeri Selat lebih kemas. Sememangnya menjelang akhir abad ke-19, melalui dasar perniagaan monopoli, pelabuhan Negeri-Negeri Selat menjadi satu-satunya saluran import penting sampai ke negeri-negeri Melayu dan eksport negeri-negeri ini ke dunia luar. Natijahnya, pelabuhan di negeri-negeri Melayu bergantung pada perdagangan di Singapura dan Pulau Pinang.³⁶

Selain itu, beliau menyatakan bahawa pihak pentadbiran di Singapura dilengkapi dengan teknologi yang canggih, khususnya dalam aspek pertahanan. Catatan Ly Van Phuc dalam *Tay Hanh Kien Van Ki Luoc* (1930) menghuraikan sistem pertahanan di

Singapura dilengkapi dengan perkapalan perang dan alatan perang seperti meriam (kanun) yang serba moden. Beliau juga mencatatkan bahawa kekuatan angkatan tentera di Singapura dan Melaka adalah seramai 200 orang, manakala 600 orang terdapat di Pulau Pinang. Ly Phuc Phuc juga menggambarkan bahawa pihak British mempunyai 3000 kekuatan tentera yang mengawal di sepanjang perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka, manakala di Gao pula, British menempatkan sekitar 46 000 kekuatan tenteranya.³⁷ Beliau juga berkesempatan menyaksikan satu sesi latihan pertahanan ketenteraan semasa berada di Singapura. Menteri Perang (Binh Bo) di Singapura melaksanakan arahan militari ketua askar (gabenor jeneral) dari Calcutta di India.³⁸ Melalui siri lawatan beliau ke Negeri-Negeri Selat, Li Van Phuc juga menggambarkan kemajuan sains dan teknologi pihak Barat, daripada kelajuan sistem landasan keretapi, kehebatan kincir air, bangunan yang tersergam indah sehinggalah kepada penghasilan sebatang pen yang halus buatannya oleh pihak Barat. Namun, jauh di sudut hati, beliau masih lagi mempertahankan adat dan tatasusila yang ada pada penduduk asal di negeri-negeri tersebut. Beliau melihat penduduk asal di kepulauan Melayu tidak sepatutnya menganggap diri mereka lebih rendah atau kurang maju daripada pihak Barat sehingga terpaksa tunduk kepada telunjuk mereka. Dalam catatan beliau, Ly Van Phuc melahirkan kekesalannya bahawa beratus-ratus tahun penduduk di kepulauan Melayu terpaksa dibebani dengan cukai tetapi kutipan cukai tersebut disalurkan kepada pihak Barat. Menurut beliau:

Setelah hidup beratus tahun lamanya di bawah penguasaan Barat, orang Cha-Va (merujuk kepada Melayu) hidupnya sengsara. Mereka terpaksa membayar cukai. Walaupun cuba melawan pemerintahan Barat, mereka terlalu lemah dan terpaksa tunduk kepada pemerintahan pihak Barat.

(Tay Hanh Kien Van Ky Luoc, 1830)

Pengamatan tersebut lebih merupakan satu keluhan dan kekesalan oleh seorang sarjana rantau ini yang amat dipengaruhi oleh Konfusianisme. Oleh itu, tanggapan negatif yang dilontarkan oleh pihak luar terhadap rakyat Vietnam amat tidak disenangi oleh Ly Van Phuc. Beliau pernah secara rasmi mengemukakan bantahannya terhadap wewenang di Fuzhou (ibu kota Provinsi Fujian) pada tahun 1831. Pihak pegawai di Fuzhou menggelarkan utusan Vietnam yang mempersembahkan tributari sebagai utusan *yi* (gasar) dan papan tulisan yang terpapar di gerbang balai ketibaan juga terukir perkataan *yi*. Bantahan beliau menyebabkan pegawai daerah Fuzhou, Huang Zhaizhong akur dan segera menurunkan perkataan kuplet “Balai Ketibaan Yi [Gasar] Vietnam” dan menggantikannya dengan “Balai Ketibaan Utusan Vietnam”. Pada

perkiraan Ly Van Phuc, masyarakat Vietnam yang menerima tamadun dari China semenjak berzaman lamanya, tidak sesuai digelar sebagai *yi* (gasar) apabila mereka datang mempersembahkan ufti kepada China. Menurutnya bahawa, “beralaf lamanya kami [Vietnam] penuh taat setia di bawah naungan tuan [China]; berabad lamanya kami [Vietnam] menerima limpah kurnia dari kemurahan tuan [China]; sudah lamanya kami [Vietnam] menerima ketamadunan dan peradaban tuan [China].”³⁹

Lantaran itu, sifat rendah diri yang dizahirkan oleh penduduk tempatan yang diperhatikan oleh beliau semasa kunjungan di Negeri-Negeri Selat amat tidak disenanginya. Berkemungkinan dasar politik asimilasi Minh Mang yang begitu signifikan antara tahun 1834-1835 mendapat ilham hasil daripada pengamatan Ly Van Phuc semasa kunjungannya di Negeri-Negeri Selat. Minh Mang melihat bahawa memvietnamkan rakyat, khususnya orang Campa secara paksa merupakan jalan keluar ke arah penyatuan rakyat negerinya demi melahirkan satu bangsa Vietnam yang lebih padu. Oleh sebab itu, orang Campa diperintahkan berpakaian Vietnam, berbicara bahasa Vietnam, memiliki nama Vietnam, merayakan upacara Vietnam biar apapun agama mereka, dan seterusnya mereka dipaksa mematuhi peraturan ketat yang ditetapkan oleh Minh Mang yang mahu melihat mereka lenyap sebagai bangsa. Pada perkiraan Minh Mang, “kesatuan” sebagai satu bangsa lebih penting daripada mendukung pemencilan sesuatu bangsa, khususnya tempoh Vietnam diancam oleh kelompok kuasa Barat yang berlumba-lumba menjarah bumi Vietnam (Denys, 2011).⁴⁰

Selain itu, kunjungan Ly Van Phuc ke Luzon pada 1832 juga merupakan contoh lain yang nyata bahawa pengaruh Konfusianisme begitu tebal dalam pemikiran beliau. Ly Van Phuc dikatakan agak terkejut dengan penyebaran ajaran Kristian yang berleluasa. Sebagai seorang yang berpegang teguh pada fahaman Konfusian, tentu sekali beliau tergamam apabila melihat doktrin Sangang Wuchang yang berpegang kepada tiga prinsip kardinal dan lima nilai murni dinodai oleh pihak Barat seperti catatannya dalam *La Tong Phong Tuc Ky*. Tiga prinsip kardinal tersebut merupakan panduan kebertanggungjawaban pihak pemerintah terhadap rakyatnya, si bapa terhadap anaknya, serta si suami terhadap isterinya. Lima Nilai Murni yang dimaksudkan meliputi nilai kebaikan berterusan sesama insan mengikut ajaran Konfusian seperti *ren* (baik hati), *yi* (kesetiaan), *li* (belas kasihan), *zhi* (munasabah) dan *xin* (kejujuran). Berdasarkan penelitian terhadap suasana yang berlaku di negeri-negeri kepulauan Melayu, beliau berpendapat bahawa nilai sejagat perlu ditanam sebagai kaedah memelihara jati diri masyarakat Vietnam agar tidak mudah dinodai oleh anasir dan pengaruh luar, khususnya pihak Barat. Menurutnya lagi, “nilai dan ajaran Konfusian perlu disemat dalam diri [rakyat]; menjadi benteng pertahanan sendiri [rakyat]; jauhi daripada noda unsur-unsur luar [Barat] yang merosakkan akhlak [rakyat].”⁴¹

Sebaliknya, pada pandangan Li Van Phuc, golongan pihak Barat sekadar kumpulan gelandangan yang “penuh licik, penuh tipu helah, bersikap bongkak lagi kurang sopan, punyai tabiat buruk lagi suka berfoya-foya tanpa kawalan, dan melalakan sambil menikmati minuman keras” pada hari hujung minggu yang dikenali sebagai *du yan nhat*.⁴² Antara lain beliau menzahirkan rasa benci terhadap perangai buruk pihak Inggeris memproses dan membekalkan candu kepada penduduk di Vietnam dan kepulauan Melayu. Menurut beliau, “Adapun satu barang itu disebut *Ah Fuyong*; orang Cina gelarnya candu; juga dikenali tembakau Barat; barang siapa menggunakannya nescaya banyak tenaga badan disia-siakan.”⁴³ Candu merupakan isu gawat yang menghimpit pemerintahan Minh Mang. Tabiat menghisap candu bukan sahaja dalam kalangan rakyat, malah berleluasa dalam kalangan pegawai pentadbir, angkatan tentera dan kaum kerabat diraja. Kebejatan gejala amalan penyalahgunaan dan pengimportan candu oleh golongan pentadbir dan rakyat digambarkan sebagai “pihak pentadbir memporak-peranda amanah yang diberi oleh rakyat; manakala rakyat yang terlibat dalam penyalahgunaan candu pula digambarkan melalaikan kerja dan aktiviti rutin mereka.”⁴⁴ Perdagangan candu diurusniagakan semenjak pembukaan Singapura dengan bekalan candu tersebut diimport terus melalui jalan darat dari China melalui Guangzhou (Canton), manakala terus dari Singapura ke Vietnam melalui jalan air.⁴⁵

Pandangan beliau jelas memperlihatkan satu tolakan dan konflik dalaman yang terpancar daripada minda dan sanubarinya yang bersifat anti-Barat. Hal ini disebabkan oleh faktor latar belakangnya yang terikat dan terpengaruh kepada ajaran Konfusian. Lantaran itu, pengamatan Ly Van Phuc yang mewakili pemikiran sebahagian daripada pegawai istana Vietnam yang juga menerima fahaman Konfusian penting dalam percaturan politik Minh Mang. Minh Mang berhasrat memperkuat angkatan tentera lautnya adalah dengan harapan agar Vietnam dapat muncul sebagai sebuah armada laut yang dapat menguasai jalan perdagangan utama di negeri-negeri kepulauan Melayu. Oleh sebab itu, pegawai istana Vietnam dihantar ke seluruh dunia, termasuk kepulauan Melayu demi meneruskan tradisi kesarjanaan pegawai istana Vietnam yang gemar menyelidik, menulis dan mendokumentasikan perkara yang dilihat. Dokumentasi tersebut berguna untuk memahami serta mendekati struktur pentadbiran dan politik, sosiobudaya dan pemikiran penduduk, serta percaturan kuasa Barat yang melakukan gerakan penguasaan, khususnya di kepulauan Melayu. Dalam buku *Viet Hanh Tap Thao* contohnya, Ly Van Phuc menyatakan tentang pahit manis kehidupan sebagai seorang pengembara. Namun, beliau melahirkan perasaan betapa girangnya beliau apabila berjaya memperoleh maklumat baharu sepanjang perjalanannya. Kegembiraan tersebut digambarkannya seolah-olah seperti seorang kelana menjumpai butiran emas di tepi jalan dan kegirangannya dizahirkan seolah-

olah seorang pengembara ternampak kerdipan cahaya di lorong-lorong kegelapan.⁴⁶ Lantaran itu, gambaran yang dilukiskan oleh beliau dalam catatan semasa kunjungan di Negeri-Negeri Selat, sesungguhnya merupakan usaha beliau cuba meneroka dan meneliti setiap aspek kehidupan penduduk di negeri-negeri yang dikunjunginya dengan sedaya upaya mengikut kemampuan dan kudrat beliau.

KESIMPULAN

Pengutusan pegawai istana oleh Minh Mang seperti hasil catatan Ly Van Phuc terhadap negeri-negeri di kepulauan Melayu, khususnya Negeri-Negeri Selat sedikit sebanyak memberikan pencerahan kepada pihak istana Vietnam terhadap negeri-negeri di kepulauan Melayu. Minh Mang didedahkan dengan maklumat tentang corak dan perkembangan terkini, khususnya sistem politik dan pentadbiran pihak Barat di Negeri-Negeri Selat, meskipun dalam catatan Ly Van Phuc terdapat kekhilafan kecil berupa fakta tentang tahun dan tarikh penubuhan Negeri-Negeri Selat. Walau bagaimanapun, pandangan dan pendirian Ly Van Phuc terhadap konsep *yi* (gasar) amat menarik dan boleh diambil iktibar. Beliau tetap berpendirian bahawa jati diri nusa dan bangsa masyarakat Vietnam, khususnya dan kepulauan Melayu, umumnya perlu dipelihara dan dipertahankan. Budaya moden yang diamalkan oleh pihak Barat yang digambarkan semasa kunjungan beliau di Negeri-Negeri Selat tidak bersesuaian dengan amalan dan cara hidup masyarakat di kepulauan Melayu. Ly Van Phuc terus memperlekehkan cara hidup dan tatasusila pihak Barat, serta menolak budaya dan amalan hidup pihak Barat kerana dipengaruhi oleh fahaman Konfusian. Namun, misi pengutusan Ly Van Phuc oleh Minh Mang untuk menjejaki maklumat tentang pentadbiran dan politik pihak Barat terhadap tanah jajahan di kepulauan Melayu tidak kesampaian. Para sarjana Vietnam yang konservatif masih mengongkong pemikiran para pentadbir dan pegawainya sehingga Vietnam akhirnya tersungkur kepada pihak Perancis kerana tidak mempraktikkan reformasi dan saranan, hasil maklumat yang diperoleh daripada kunjungan Ly Van Phuc di kepulauan Melayu. Sesungguhnya, catatan Ly Van Phuc meninggalkan satu sumber bernilai kerana melihat sejarah kepulauan Melayu dari perspektif masyarakat di sebelah Timur dan bukannya dari perspektif masyarakat Barat semata-mata.

NOTA

1. *Ha Chau* merupakan istilah umum pihak Vietnam apabila merujuk kepulauan Melayu dan merupakan bahasa Sino-Nom. Sino-Nom merupakan tulisan Cina yang dibaca dalam konteks

- bahasa Vietnam. *Ha Chau* juga membawa maksud negeri-negeri di bawah bahagian selatan negeri Vietnam. Walau bagaimanapun, *ha* membawa pengertian di bawah atau kurang dan lebih rendah yang merujuk pulau, manakala *chau* merujuk bahagian selatan dalam konteks geografi Vietnam kerana lokasi Hue, ibu kotanya berada di utara, manakala kepulauan Melayu di selatan. Dalam bahasa Vietnam (Tieng Viet), *Hau Chau* dikenali sebagai *Mien Duoi*.
2. *Dai Nam Thu Luc Chinh Bien Truyen so Tap* (selepas ini ditulis sebagai *DNTLCB*) Jilid 157. Naskhah asal tersimpan di Vien Nghien Cuu Han Nom (The Institute of Han-Nom Studies) di Dong Da, Hanoi, nombor panggilan VHv.1677/1-7.
 3. R. S. Gundry, 1893. *China and Her Neighbours: France in Indo-China, Russia and China, India and Thibet*. London: Chapman and Hall, hlm. 2-3.
 4. *Minh Menh Chinh Yeu* (selepas ini ditulis sebagai *MMCY*) Jilid 17. Naskhah asal tersimpan di Vien Nghien Cuu Han Nom (The Institute of Han-Nom Studies) di Dong Da, Hanoi, nombor panggilan A2688/1-6.
 5. Immanuel C. Y. Hsu, 1999. *The Rise of Modern China*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 154-55.
 6. Minh Mang hanya bersetuju menandatangani pembelian meriam, senjata api, pakaian seragam tentera dan buku daripada utusan Barat. Di samping itu, kegagalan utusan Barat memperoleh sebarang perjanjian dengan Minh Mang seperti utusan John Crawford (1783-1868) adalah kerana Minh Mang berpendapat utusan tersebut adalah atas kapasiti secara persendirian dan bukannya mewakili utusan rasmi daripada pihak Kerajaan Britain. Sila lihat *DNTLCB*, Jilid 8 dan Jilid 86.
 7. *DNTLCB*, Jilid 157.
 8. *MMCY*, Jilid 18.
 9. *DNTLCB*, Jilid 157.
 10. *MMCY*, Jilid 17.
 11. Sun Jiandang, 2001. "Yuenan Ruanchao Ming Ming shiqi de Duiwai Guanxi (Foreign Relationships of Vietnam during the Reign of Minh Mang)". Tesis Sarjana. University of Zhenzhou, hlm. 46. Lihat juga *DNTLCB*, Jilid 156.
 12. *MMCY*, Jilid 18.
 13. Antara barangan eksport yang diperdagangkan termasuklah gula, tembaga, wang syiling yang diperbuat daripada tembaga dan gading gajah. Barangan import pula terdiri daripada barangan bijih timah, plumbum, sulfur, senapang dan kain. Sila lihat Nguyen The Anh, 1996. "Indochina and the Malay World: A Glimpse on Malay-Vietmaese Relations to the Mid-Nineteenth Century" dlm. *Asia Journal (Seoul)* 3:1, hlm. 271-73.
 14. *Tay Hanh Kien Van Ky Luoc* yang dihasilkan pada tahun 1830 oleh Ly Van Phuc merupakan catatan pengembaraan beliau tentang pentadbiran, politik dan sosioekonomi penduduk di Negeri-Negeri Selat. Catatan ini mengandungi 101 halaman dan naskhah asalnya masih tersimpan di Vien Nghien Cuu Han Nom (The Institute of Han-Nom Studies) di Dong Da, Hanoi, nombor panggilan A243.
 15. Ly Van Phuc, *Tay Hanh Kien Van Ky Luoc* (selepas ini ditulis sebagai *THKVKL*). Naskhah asal tersimpan di Vien Nghien Cuu Han Nom (The Institute of Han-Nom Studies) di Dong Da,

- Hanoi, nombor panggilan A243.
16. *DNTLCB*, Jilid 25.
 17. *DNTLCB*, Jilid 25.
 18. *DNTLCB*, Jilid 25.
 19. *THKVKL*, A243.
 20. *THKVKL*, A243.
 21. *THKVKL*, A243.
 22. Nguyen The Anh, "Indochina and the Malay World: A Glimpse on Malay-Vietnamese Relations to the Mid-Nineteenth Century", hlm 119.
 23. Sila lihat Ku Boon Dar, 2014. "Menyingkap Hubungan Viet Nam dengan Semenanjung Tanah Melayu: 1771-1802" dlm. Ishak Saat, Adnan Jusoh dan Nabir Hj. Abdullah (ed.). *Sejarah dalam Arus Kesedaran*. Batu Pahat: Penerbit UTHM, hlm. 305-30.
 24. *THKVKL*, A243.
 25. *THKVKL*, A243.
 26. *DNTLCB*, Jilid 62 dan lihat juga *THKVKL*, A243.
 27. *THKVKL*, A243.
 28. *THKVKL*, A243 dan lihat juga Singapore Chronicle, 25 Mac 1830.
 29. Khoo Kay Kim, 1984. *Negeri-negeri Melayu Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Oxford Fajar Bakti, hlm. 55.
 30. *THKVKL*, A243.
 31. *THKVKL*, A243.
 32. C. M. Turnbull, 1989. *A History of Singapore, 1819-1988*. Singapore: Oxford University Press. hlm. 33.
 33. *THKVKL*, A243.
 34. *THKVKL*, A243.
 35. *THKVKL*, A243.
 36. Armarjit Kaur, 1991. "Semenanjung Tanah Melayu pada Abad Ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi" dlm. Khoo Kay Kim (ed.) 1991. *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 15.
 37. *THKVKL*, A243.
 38. *THKVKL*, A243.
 39. Ly Van Phuc, *Viet Honh Ngam Thao* (selepas ini ditulis sebagai *VHNT*). Naskhah asal tersimpan di Vien Nghien Cuu Han Nom (The Institute of Han-Nom Studies) di Dong Da, Hanoi, nombor panggilan A300.
 40. Denys Lombard, "Champa Dipandang dari Selatan" dlm. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 3:1, hlm. 11, Disember 2011.
 41. *THKVKL*, A243.
 42. *THKVKL*, A243.
 43. *THKVKL*, A243.
 44. *Dai Nam Nhat Thong Chi (Gazetteer of Imperial Vietnam)*, Jilid 27 (selepas ini ditulis sebagai *DNNTC*). Naskhah asal tersimpan di Vien Nghien Cuu Han Nom (The Institute of Han-Nom

- Studies) di Dong Da, Hanoi, nombor panggilan A70.
45. Sun, Jiandang, 2001. *Yuenan Ruanchao Ming Ming shiqi de Duiwai Guanxi* (Foreign Relationships of Vietnam during the Reign of Minh Mang). Tesis Sarjana. University of Zhenzhou, hlm. 46.
 46. *VHNT*, A300.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia, No. Projek: 304. PJJAUH.6312112.

RUJUKAN

- Alexander Woodside, 1988. *Vietnam and the Chinese Model: A Comparative Study of Nguyen and Ch'ing Civil Government in the First Half of the Nineteenth Century*. Cambridge, Mass: Council on East Asian Studies, Harvard University, hlm. 264.
- Armarjit Kaur, 1991. "Semenanjung Tanah Melayu pada Abad ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi" dlm. Khoo Kay Kim (ed.). *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 15.
- Dai Nam Nhat Thong Chi (Gazetteer of Imperial Vietnam)*.
- Dai Nam Thuc Luc Tien Bien (Veritable Record of Vietnam, Ly Van Phuc Bibliography)*.
- Denys Lombard, "Champa Dipandang dari Selatan" dlm. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 3:1, hlm. 11, Disember 2011.
- Di Bien (Foreigners Dichotomy)*.
- Hai Trinh Chi Luoc (Records of Maritime Route)*.
[http://www.iias.nl/sites/default/files/IIAS_NL46_32.pdf]
- Immanuel C. Y. Hsu, 1999. *The Rise of Modern China*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 154-55.
- Gundry, R. S., 1893. *China and Her Neighbours: France in Indo-China, Russia and China, India and Thibet*. London: Chapman and Hall, hlm. 2-3.
- Khoo Kay Kim, 1984. *Negeri-negeri Melayu Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Oxford Fajar Bakti, hlm. 55.
- Khoo Kay Kim (ed.), 1985. *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Boon Dar, 2014. "Menyingkap Hubungan Viet Nam dengan Semenanjung Tanah Melayu: 1771-1802" dlm. Ishak Saat, Adnan Jusoh dan Nabir Hj. Abdullah (ed.). *Sejarah dalam Arus Kesedaran*. Batu Pahat: Penerbit UTHM, hlm. 305-30.

- Ku, Boon Dar, 2008. "Brother in Arm: Tay Son Uprising" dlm. *IIAS Newsletter*. Leiden: International Institute for Asian Studies 46:32. Winter.
- La Tong Phong Tuc Ky (Luzon Custom Note)*.
- Minh Meng Chinh Yeu (Essential of Government during Minh Mang)*.
- Straits Settlement Record, 2 Jun 1825 dlm. Cowan, C. D. (ed.), 1950. *Early Penang & The Rise of Singapore 1805-1832: Documents from the Manuscript Records of the East India Company*. Singapore: Malaya Pub. House.
- Sun, Jiandang, 2001. *Yuenan Ruanchao Ming Ming shiqi de Duiwai Guanxi (Foreign Relationships of Vietnam during the Reign of Minh Mang)*. Tesis Sarjana. University of Zhenzhou.
- Tay Di Chi Phu Bien (Western Foreign Countries Note)*.
- Tay Hanh Kien Van Ky Luoc (Accounts of Journey to the West)*.
- Turnbull, C. M., 1989. *A History of Singapore, 1819-1898*. Singapore: Oxford University Press.
- Viet Honh Ngam Thao (Guangdong Journey Note)*.